

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 03.04.2017

SOALAN : 37

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkasakan Unit Integriti dan Pelan Pengurusan Risiko (PPR) bagi mencegah berlakunya kes salah laku di kalangan penjawat awam yang semakin berleluasa daripada berulang kembali.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Maklumat yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus [JITU] Kebangsaan Siri 8 Bilangan 3 Tahun 2016 pada 5 Disember 2016 telah memutuskan supaya Ketua Setiausaha,

Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan dan agensi memahami serta melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah kerana ianya merupakan kaedah berkesan yang dapat membantu organisasi mengenalpasti risiko rasuah di kementerian, jabatan atau agensi masing-masing.

Tindakan untuk memperkasakan Unit Integriti sedang dalam tindakan dengan mencadangkan penstrukturkan semula jawatan Ketua Unit Integriti dan menyediakan surat pekeliling untuk menjelaskan lagi fungsi teras unit integriti. Dalam masa yang sama, Unit Integriti khususnya yang berisiko tinggi dan sederhana adalah dipohon untuk menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management Plan*). Semua Unit Integriti telah diberikan pendedahan bagi tujuan penyediaan pelan ini .

Sekian, terima kasih.